

# Masih ramai rakyat miskin

Sinar 17/5/10 MS 21

**PUCHONG** – Masih terdapat rakyat negara ini didapati hidup dalam keadaan miskin dan tidak cukup makanan terutamanya golongan ibu tunggal dan warga emas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kinrara, Teresa Kok Suh Sim berkata, dia terkejut kerana pusat khidmatnya di Taman Kinrara dikunjungi golongan itu untuk meminta makanan.

Menurutnya, beliau mengalu-alukan golongan seperti itu datang ke pejabatnya untuk mendapatkan bantuan kerana peruntukkan untuk mereka sememangnya disediakan.

“Bagi yang beragama Islam, pusat khidmat melalui bantuan jawatankuasa Pas Kawasan kita akan bantu mereka membuat permohonan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS),” katanya ketika sambutan Hari Ibu di Kampung Tengah di sini, Sabtu lalu.

Teresa berkata, beliau menganggarkan terdapat ribuan golongan ibu tunggal dan warga emas yang tinggal di bawah kawasan pentadbirannya.



**Teresa turut sama belajar membuat kuih karipap ketika menyambut Hari Ibu di Kampung Tengah.**

“Saya tiada jumlah sebenar tetapi ramai di antara mereka yang hidup dalam keadaan susah dan miskin.

“Pihak kami melalui bantuan Ahli Majlis dan Ketua Kampung akan cari mereka yang perlukan bantuan melalui beberapa program dilaksanakan,” katanya.

Pada program itu, Teresa berkata, pihaknya memberi sumbangan barangan keperluan kepada mereka yang layak.

“Penghargaan kepada ibu tunggal dan warga emas yang banyak berkorban untuk keluarga dan anak mereka juga diberikan,” katanya.